



FWD Kasih
MY Sijil Induk

Celebrate living
fwd.com.my | 1 300 13 7988

FWD
takaful



FWD Takaful Berhad, No. Pendaftaran: 200601011780 (731530-M)

Sijil Induk FWD Kasih
(No. Sijil: CP00000X)

FWD Takaful Berhad (“Pemilik Sijil Induk”) dengan ini bersetuju untuk menyertai Sijil Induk FWD KASIH yang diuruskan oleh FWD Takaful Berhad (“Pengendali Takaful”) bagi perlindungan takaful kepada peserta yang layak (“Orang Dilindungi”), berdasarkan peruntukan-peruntukan di dalam Sijil Induk (“Sijil Induk”) ini.

Pengendali Takaful dengan ini bersetuju untuk menguruskan Dana Risiko Peserta untuk menyediakan perlindungan takaful kepada Orang Dilindungi bersesuaian dengan peruntukan-peruntukan di dalam Sijil Induk ini.

Salim Majid Zain
Ketua Pegawai Eksekutif
FWD Takaful Berhad

Tarikh: DD/MM/YYYY

Rujukan Ringkas

	Mengenal Sijil Induk ini	1
	Informasi Sijil Induk	1
	Penyata informasi Sijil Induk	2
	Manfaat Sijil ini secara ringkas	6
	Manfaat pelan ini sepantas lalu	6
	Apakah yang dilindungi	7
	Ringkasan manfaat pelan ini	7
	Manfaat kematian	8
	Manfaat khairat kematian	8
	Manfaat kematian disebabkan oleh kemalangan	8
	Manfaat hilang upaya penuh dan kekal (HUPK)	9
	Badal (upah) Haji / Derma kepada badan kebajikan	9
	Pengecualian	10
	Bila kami tidak akan membayar sebarang manfaat	10
	Tempoh menunggu	11
	Memulakan, mengubah atau menamatkan perlindungan takaful	12
	Perlindungan dan bila ia bermula	12
	Perubahan kepada Jadual Sijil Takaful	12
	Menyerahkan Jadual Sijil Takaful	13
	Bila Jadual Sijil Takaful tamat	14
	Menghidupkan semula Jadual Sijil Takaful	14
	Penamatan Sijil Induk	14
	Orang-orang utama di bawah Sijil ini	15
	Siapa yang dilindungi di bawah Sijil ini	15
	Penama	15
	Membuat tuntutan	17
	Bagaimana hendak membuat tuntutan	17
	Terma dan syarat yang terpakai kepada Badal (upah) haji/Derma kepada badan kebajikan	18
	Sumbangan	19
	Membayar sumbangan	19
	Apa yang akan berlaku jika sumbangan tidak dibayar mengikut masa yang ditetapkan	20
	Apa yang kami lakukan dengan sumbangan yang dibayar	20
	Memastikan ia sah dari segi undang-undang	22
	Undang-undang yang mentadbir	22
	Kami bergantung pada maklumat yang diberikan	22
	Perkataan dan frasa penting	26



Mengenai Sijil Induk ini

Terima kasih kerana memilih FWD Kasih. Kami berbesar hati untuk melindungi anda, supaya anda boleh menikmati kehidupan ini dengan sepenuhnya.

Informasi Sijil Induk

No Sijil Induk	: (xxxx)
Pemilik Sijil Induk	: FWD Takaful Berhad
Tarikh Mula	: DD/MM/YYYY
Tarikh Dikeluarkan	: DD/MM/YYYY

Prakata untuk pengguna kontrak takaful (takaful sepenuhnya bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion)

Sijil Induk ini dikeluarkan sebagai kontrak takaful antara anda sebagai Pemilik Sijil, dan kami. Sijil Induk anda terdiri daripada dokumen-dokumen yang disenaraikan seperti di bawah:

- Sijil Induk ini.
- Jadual Sijil Takaful.
- Borang permohonan dan sebarang dokumen yang disertakan.
- Sebarang endorsmen terhadap Jadual Sijil Takaful.

Kami akan mengeluarkan Jadual Sijil Takaful setelah kami menerima permohonan dan sumbangan daripada Orang Dilindungi untuk perlindungan takaful di bawah Sijil Induk ini.

Sekiranya terdapat salah nyata berkaitan dengan jawapan atau pendedahan yang dibuat oleh Orang Dilindungi, hanya remedy dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan digunakan. Sijil Induk ini menggariskan terma-terma dan syarat-syarat kontrak takaful seperti yang dipersetujui antara anda dan kami.

Ini adalah pelan takaful keluarga yang diuruskan oleh FWD Takaful Berhad. Kami menguruskan sumbangan yang dibayar, dan operasi takaful kami adalah berdasarkan kontrak wakalah, berlandaskan Syariah dan dipimpin oleh Jawatankuasa Syariah kami.



Takaful adalah satu skim saling membantu berdasarkan semangat persaudaraan dan solidariti di mana Orang Dilindungi dan peserta lain bersetuju untuk membantu antara satu sama lain dari segi kewangan jika salah seorang daripadanya mengalami kehilangan tertentu.

Perkataan dengan maksud khas

Beberapa perkataan di dalam Sijil ini mempunyai maksud yang khas. Kami tunjukkan maksudnya pada muka surat 26 (perkataan dan frasa penting). Sila rujuk bahagian ini bila perlu.

Aktiviti kehidupan harian	Kemalangan	Tarikh luput Jadual Sijil
Dana risiko peserta	Orang Dilindungi	Takaful
Endorsmen	Pemilik Sijil, anda	Tarikh mula Jadual Sijil
Hilang upaya penuh dan kekal (HUPK)	Pengamal perubatan	Takaful
Jadual Sijil Takaful	Syariah	Ulang tahun Jadual Sijil
Jawatankuasa Syariah	Tarikh Jadual Sijil Takaful dikeluarkan	Takaful
Jumlah dilindungi		Umur luput perlindungan
Kami		



Penyata informasi Sijil Induk

Membayar sumbangan

Berdasarkan sumbangan yang dibayar, kami menyediakan perlindungan yang telah ditetapkan.

Untuk butiran mengenai cara membayar sumbangan, dan apa yang akan berlaku jika Orang Dilindungi tidak membayar sumbangan, lihat muka surat 19 (sumbangan).

Pembayaran sumbangan boleh buat kepada kami dengan menggunakan kad debit atau kredit.

Memilih siapa yang menerima manfaat

Manfaat kematian

100% daripada jumlah dilindungi akan dibayar kepada penama secara sekali gus sebagai manfaat kematian.

Manfaat khairat kematian

Kami akan membayar RM3,000 sebagai manfaat khairat kematian kepada penama dengan segera apabila kami menerima sijil kematian Orang Dilindungi.

Manfaat hilang upaya penuh dan kekal (HUPK)

100% daripada jumlah dilindungi akan dibayar kepada Orang Dilindungi secara sekali gus sebagai manfaat hilang upaya penuh dan kekal.

Penamaan

Orang Dilindungi boleh memilih satu atau lebih penama untuk menerima manfaat kematian. Ini adalah orang (atau orang-orang) yang akan menerima manfaat kematian seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil Takaful. Orang Dilindungi boleh memilih untuk mereka menerima manfaat sebagai wasi (pelaksana) atau sebagai beneficiari. Lihat muka surat 15 (orang-orang utama di bawah Sijil ini) untuk maklumat lanjut tentang pelbagai pilihan yang disediakan.

Bukti umur

Untuk kami membuat sebarang bayaran manfaat, kami memerlukan bukti yang menunjukkan umur Orang Dilindungi dengan menyediakan salinan mana-mana yang berikut:

- Kad Pengenalan.
- Sijil Kelahiran.

Ini bukan produk simpanan atau pelaburan

Sijil FWD KASIH ini bukan produk simpanan atau pelaburan. Tidak ada sebarang bayaran daripada Sijil ini selain daripada manfaat kematian, manfaat khairat kematian dan manfaat hilang upaya penuh dan kekal.

Serahan

Jika Orang Dilindungi menyerahkan Jadual Sijil Takaful, Orang Dilindungi:

- akan kehilangan perlindungan; dan
- mungkin akan menerima jumlah yang kurang daripada apa yang telah disumbangkan.

Di samping itu, sebarang perubahan kepada kesihatan atau keadaan Orang Dilindungi mungkin menyukarkan atau menjadikan kosnya lebih mahal untuk mendapatkan perlindungan di masa hadapan.



15 hari tempoh percubaan (“free-look period”)

Jika Orang Dilindungi tidak berpuas hati dengan Jadual Sijil Takaful, dan belum membuat sebarang tuntutan di bawahnya, Orang Dilindungi mempunyai 15 hari dari tarikh Jadual Sijil Takaful diterima untuk membatalkannya dan sumbangan yang dibayar oleh Orang Dilindungi akan dipulangkan oleh Pengendali Takaful.

Apa yang perlu dilakukan

Orang dilindungi hendaklah maklumkan kepada Pemilik Sijil secara bertulis niat untuk membatalkan perlindungan dibawah Sijil Induk ini Jadual Sijil Takaful dalam masa 15 hari selepas menerima Jadual Sijil Takaful tersebut.

Apa yang akan kami lakukan

Kami akan memulangkan sebarang sumbangan yang telah dibayar oleh Orang Dilindungi. Kami akan membatalkan Jadual Sijil Takaful dan Orang Dilindungi tidak boleh lagi membuat tuntutan untuk sebarang manfaat di bawah Jadual Sijil Takaful tersebut.

Pembatalan Jadual Sijil Takaful selepas 15 hari tempoh percubaan akan dianggap sebagai serahan Jadual Sijil Takaful.

Beritahu kami tentang sebarang perubahan

Beritahu kami tentang sebarang perubahan penting kepada butiran peribadi Orang Dilindungi (alamat atau nombor telefon) atau jika Orang Dilindungi ingin mengubah siapa yang akan menerima manfaat di bawah Sijil ini. Lihat muka surat 12 (perubahan kepada Jadual Sijil Takaful) untuk maklumat lanjut.

Bagaimana untuk menghubungi kami jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau untuk hendak membuat tuntutan

Hubungi Talian Perkhidmatan kami di **03-2771 7737** jika mempunyai sebarang soalan mengenai Sijil ini, atau jika perlu membuat tuntutan. Lihat muka surat 17 (membuat tuntutan) untuk maklumat lanjut tentang cara membuat tuntutan.

Pengecualian dan syarat-syarat

Pengecualian dan syarat-syarat tertentu mungkin dikenakan ke atas perlindungan yang telah dipilih. Kami menyatakan pengecualian yang terpakai pada Sijil ini pada muka surat 10 (pengecualian).



Jika anda mempunyai soalan

Jika anda masih mempunyai sebarang soalan selepas anda membaca Sijil ini, sila hubungi Talian Perkhidmatan kami di **03-2771 7737** - kami sedia membantu anda.

Bagaimana untuk menyelesaikan kebimbangan atau aduan

Kami ingin menyelesaikan sebarang kebimbangan atau aduan anda dengan secepat mungkin. Anda boleh mengikuti langkah-langkah di bawah untuk menyelesaikan kebimbangan anda.

Langkah 1 – Bercakap dengan kami

Perkara pertama yang boleh anda lakukan adalah berbincang dengan salah seorang daripada perunding kami tentang kebimbangan anda.

Hubungi Talian Perkhidmatan kami di **03-2771 7737**.
(Isnin hingga Jumaat: 9 pagi hingga 6 petang, kecuali Hujung Minggu dan Cuti Umum.)

Perunding atau pengurus kami akan cuba menyelesaikan aduan anda secepat mungkin.

Langkah 2 – Panggil atau tulis ke Unit Aduan kami

Jika anda merasakan bahawa aduan anda belum diselesaikan, anda boleh menulis kepada:

Unit Aduan FWD
Tingkat 29
Menara Shell
211 Jalan Tun Sambanthan Brickfields
50470 Kuala Lumpur
Talian Perkhidmatan: 03-2771 7737
Faks: 03-2710 7800
Emel: kasih.my@fwd.com

Kami akan memberi respon terhadap aduan anda dalam tempoh 3 hari bekerja setelah kami menerima.

Langkah 3 – Dapatkan semakan luar daripada OPK

Jika kami tidak dapat menyelesaikan aduan anda, anda boleh memilih untuk membuat aduan kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK).

OPK ialah satu pusat penyelesaian pertikaian bebas dan percuma untuk penyelesaian pertikaian yang melibatkan institusi kewangan dan pengguna.

Anda boleh membuat aduan melalui pos, faks, secara dalam talian atau dengan menghadirkan diri. Butiran Ombudsman adalah:

Tingkat 14,
Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel: 03-2272 2811
Faks: 03-2272 1577
Emel: enquiry@ofs.org.my
Laman Web: www.ofs.org.my

Jumlah yang terlibat dalam pertikaian mestilah berada di dalam bidang kuasa Ombudsman.

**Langkah 4 – Dapatkan
pandangan luar
daripada BNMLINK atau
BNMTELELINK**

Jika kami atau OPK tidak dapat menyelesaikan aduan anda, anda juga boleh memilih untuk membuat aduan kepada Laman Informasi Nasihat dan Khidmat Bank Negara Malaysia (BNMLINK atau BNMTELELINK).

BNMLINK menyediakan perkhidmatan pelanggan secara bersemuka untuk pelawat membuat pertanyaan umum dan aduan awam.

Maklumat BNMLINK dan BNMTELELINK adalah seperti berikut:

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK)

Tingkat Bawah

Blok D, Jalan Dato' Onn

50480 Kuala Lumpur

Waktu Operasi: 9.00 a.m. - 5.00 p.m. (Isnin - Jumaat)

Contact Centre (BNMTELELINK)

Bank Negara Malaysia

P.O. Box 10922

50929 Kuala Lumpur

Tel : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK) (Tel Luar Negara: 603-2174-1717)

Fax: 603-2174-1515

E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

SMS : 15888

Waktu Operasi: 9.00 a.m. - 5.00 p.m. (Isnin - Jumaat)

SAH



Manfaat Sijil ini secara ringkas

Bahagian ini menerangkan manfaat utama Sijil anda secara ringkas. Untuk memahami butiran lengkap tentang apa yang kami bayar dan bagaimana kami membayarnya, anda patut merujuk muka surat 7 (apakah yang dilindungi).

Manfaat pelan ini sepantas lalu



Manfaat anda



Manfaat Kematian



Manfaat Khairat Kematian



Manfaat kematian disebabkan oleh kemalangan



Manfaat Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK)



Badal (upah) Haji / Derma kepada Badan Kebajikan



Apakah yang dilindungi

Dalam bahagian ini, kami akan menerangkan manfaat perlindungan dan sebarang pengecualian tertentu atau syarat-syarat yang dikenakan terhadap manfaat tersebut. Pengecualian umum juga mungkin terpakai - lihat muka surat 10 (pengecualian).

Ringkasan manfaat pelan ini



Manfaat kematian

Kami akan membayar 100% daripada jumlah dilindungi apabila Orang Dilindungi meninggal dunia secara semulajadi semasa Jadual Sijil Takaful masih aktif.



Manfaat khairat kematian

Kami akan membayar RM3,000 kepada penama apabila Orang Dilindungi meninggal dunia.



Manfaat kematian disebabkan oleh kemalangan

Kami akan membayar 200% daripada jumlah dilindungi jika kematian Orang Dilindungi adalah disebabkan oleh kemalangan.



Manfaat hilang upaya penuh dan kekal (HUPK)

Kami akan membayar 100% daripada jumlah dilindungi jika Orang Dilindungi mengalami hilang upaya penuh dan kekal semasa Jadual Sijil Takaful masih aktif.



Badal (upah) Haji / Derma kepada badan kebaikan

Kami akan membayar dan mengatur perbelanjaan Badal Haji melalui panel penyedia perkhidmatan kami untuk Orang Dilindungi yang beragama Islam. Jika Orang Dilindungi bukan beragama Islam, kami akan mendermakan RM2,500 kepada badan kebaikan bagi pihak Orang Dilindungi.



Manfaat kematian

Kami akan membayar 100% daripada jumlah dilindungi apabila Orang Dilindungi meninggal dunia secara semulajadi (bukan akibat kemalangan). Perlindungan takaful bagi Orang Dilindungi akan tamat selepas manfaat ini dibayar.

Berapa yang kami akan bayar

Kami akan membayar 100% daripada jumlah dilindungi jika Orang Dilindungi meninggal dunia secara semulajadi.

Bila kami tidak akan membayar

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat jika mana-mana yang berikut terjadi:

- Apabila Sijil atau Jadual Sijil Takaful Orang Dilindungi telah tamat. Lihat muka surat 14 (bila Jadual Sijil Takaful tamat).
- Terdapat pengecualian terpakai. Lihat muka surat 10 (pengecualian).

Manfaat khairat kematian

Kami akan membayar RM3,000 manfaat tambahan apabila Orang Dilindungi meninggal dunia. Kami akan membayar manfaat ini sebaik sahaja kami menerima sijil kematian Orang Dilindungi.

Berapa yang kami akan bayar

Kami akan membayar RM3,000 sebagai manfaat khairat kematian.

Bila kami tidak akan membayar

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat jika mana-mana yang berikut terjadi:

- Apabila Sijil atau Jadual Sijil Takaful Orang Dilindungi telah tamat. Lihat muka surat 14 (bila Jadual Sijil Takaful tamat).
- Terdapat pengecualian terpakai. Lihat muka surat 10 (pengecualian).

Manfaat kematian disebabkan oleh kemalangan

Kami akan membayar 200% daripada jumlah dilindungi apabila Orang Dilindungi meninggal dunia disebabkan oleh kemalangan. Perlindungan takaful bagi Orang Dilindungi akan tamat selepas manfaat ini dibayar. Kami senaraikan definisi kemalangan pada muka surat 26 (perkataan dan frasa penting).

Berapa yang kami akan bayar

Kami akan membayar 200% daripada jumlah dilindungi, jika kematian adalah disebabkan oleh kemalangan.

Bila kami tidak akan membayar

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat jika mana-mana yang berikut terjadi:

- Apabila Sijil atau Jadual Sijil Takaful Orang Dilindungi telah tamat. Lihat muka surat 14 (bila Jadual Sijil Takaful tamat).
- Terdapat pengecualian terpakai. Lihat muka surat 10 (pengecualian).



Manfaat hilang upaya penuh dan kekal (HUPK)

Kami akan membayar 100% daripada jumlah dilindungi jika Orang Dilindungi mengalami hilang upaya penuh dan kekal. Kami senaraikan definisi HUPK pada muka surat 26 (perkataan dan frasa penting). Perlindungan takaful bagi Orang Dilindungi akan tamat selepas manfaat ini dibayar.

Berapa yang kami akan bayar

Kami akan membayar 100% daripada jumlah dilindungi.

Bila kami tidak akan membayar

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat jika mana-mana yang berikut terjadi:

- Apabila Sijil atau Jadual Sijil Takaful Orang Dilindungi telah tamat. Lihat muka surat 14 (bila Jadual Sijil Takaful tamat).
- Terdapat pengecualian terpakai. Lihat muka surat 10 (pengecualian).

Badal (upah) Haji / Derma kepada badan kebajikan

Jika Orang Dilindungi menuntut manfaat hilang upaya penuh dan kekal, mereka boleh meminta kami untuk mengaturkan Badal Haji bagi pihak mereka. Sebagai alternatif, jika Orang Dilindungi meninggal dunia semasa tempoh Sijil, penama boleh meminta kami untuk mengaturkan Badal Haji bagi pihak Orang Dilindungi.

Sekiranya kami meluluskan, kami akan mengatur, dan membayar kos Badal Haji bagi Orang Dilindungi melalui panel penyedia perkhidmatan kami. Sijil penyempurnaan Badal Haji akan diserahkan kepada penama apabila Badal Haji selesai.

Jika Orang Dilindungi bukan beragama Islam, kami akan mendermakan RM2,500 kepada badan kebajikan bagi pihak Orang Dilindungi.

Apa yang perlu dilakukan

- Hubungi kami.
- Serahkan kami borang yang diperlukan serta dokumen-dokumen sokongan yang kami minta.



Pengecualian

Sijil ini mempunyai pengecualian-pengecualian tertentu iaitu terdapat situasi di mana kami tidak akan membayar sesuatu manfaat semasa tempoh menunggu dan sepanjang tempoh Sijil ini.

Bila kami tidak akan membayar sebarang manfaat

Manfaat kematian

Kami tidak akan membayar manfaat kematian jika tuntutan yang dibuat berlaku akibat daripada:

Bunuh diri

Kami tidak akan membayar manfaat kematian di bawah Sijil ini jika tuntutan yang dibuat berlaku akibat daripada bunuh diri oleh Orang Dilindungi dalam tempoh satu tahun dari tarikh mula Jadual Sijil Takaful.

Pengecualian ini terpakai tanpa mengambil kira keadaan mental Orang Dilindungi.

Manfaat hilang upaya penuh dan kekal (HUPK)

Kami tidak akan membayar manfaat HUPK jika tuntutan yang dibuat berlaku akibat daripada:

Percubaan bunuh diri atau kecederaan yang disengajakan ke atas diri sendiri

Kami tidak akan membayar manfaat HUPK di bawah Sijil ini jika tuntutan yang dibuat berlaku akibat daripada percubaan bunuh diri atau kecederaan yang disengajakan atas diri sendiri oleh Orang Dilindungi dalam tempoh satu tahun dari tarikh mula Jadual Sijil Takaful.

Pengecualian ini terpakai tanpa mengambil kira keadaan mental Orang Dilindungi.

Tindakan menyalahi undang-undang

Kami tidak akan membayar manfaat HUPK di bawah Sijil ini jika tuntutan timbul kerana Orang Dilindungi dengan sengaja terlibat dalam perbuatan yang menyalahi undang-undang, atau kegagalan untuk bertindak yang menyalahi undang-undang atau sebarang percubaan yang menyalahi undang-undang.

Perang

Kami tidak akan membayar manfaat HUPK di bawah Sijil ini jika tuntutan itu adalah akibat tindakan peperangan (sama ada diisyiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan, atau apa-apa kejadian yang serupa.



Manfaat kematian yang disebabkan oleh kemalangan

Kami tidak akan membayar manfaat kematian yang disebabkan oleh kemalangan, jika tuntutan yang dibuat berlaku akibat daripada:

**Tindakan
menyalahi
undang-undang**

Kami tidak akan membayar manfaat di bawah Sijil ini jika tuntutan timbul kerana Orang Dilindungi dengan sengaja terlibat dalam perbuatan yang menyalahi undang-undang, atau kegagalan untuk bertindak yang menyalahi undang-undang atau sebarang percubaan yang menyalahi undang-undang.

Perang

Kami tidak akan membayar manfaat di bawah Sijil ini jika tuntutan itu adalah akibat tindakan peperangan (sama ada diisyiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan, atau apa-apa kejadian yang serupa.

Tempoh menunggu

Terdapat tempoh menunggu yang terpakai di bawah Sijil ini. Ia adalah situasi di mana kami tidak akan membayar sesuatu manfaat dalam tempoh 30 hari dari tarikh mula Jadual Sijil Takaful Orang Dilindungi jika kematian atau HUPK berlaku secara semulajadi.

Kami akan mengembalikan tabaru yang tidak digunakan, jika kematian atau HUPK berlaku secara semulajadi.



Memulakan, mengubah atau menamatkan perlindungan takaful

Bahagian ini menerangkan bila Sijil Induk atau Jadual Sijil Takaful ini bermula dan tamat, dan bagaimana Orang Dilindungi boleh membuat perubahan.

Perlindungan dan bila ia bermula

Perlindungan bagi Orang Dilindungi bermula pada tarikh mula Jadual Sijil Takaful. Kami nyatakan tarikh ini dalam Jadual Sijil Takaful yang diberikan kepada Orang Dilindungi.

Bila perlindungan kepada Orang Dilindungi akan diperbaharui

Perlindungan takaful diperbaharui secara automatik untuk satu tahun sehingga Orang Dilindungi mencapai umur 59 tahun, pada tarikh pembaharuan. Umur merujuk kepada umur Orang Dilindungi pada hari lahir berikutnya.

Perubahan kepada Jadual Sijil Takaful

Orang Dilindungi boleh meminta kami membuat perubahan berikut ke atas Jadual Sijil Takaful mereka, dan kami akan membuat perubahan tersebut dengan memberikan notis bertulis secara rasmi (dipanggil endorsmen).

Kami tidak terikat dengan sebarang perubahan selagi endorsmen belum dikeluarkan.

Menukar alamat, butiran untuk dihubungi atau siapa yang akan menerima manfaat kematian

Orang Dilindungi boleh menukar alamat, butiran untuk dihubungi atau siapa yang dipilih untuk menerima manfaat kematian.

Adalah penting untuk maklumat ini diberitahu kepada kami dengan serta-merta tentang sebarang perubahan, supaya manfaat di bawah Sijil Induk ini tetap dinikmati.

Apa yang perlu dilakukan

- Hubungi kami.
- Serahkan borang yang telah dilengkapkan kepada kami.

Apa yang kami akan lakukan

- Menyemak permohonan yang telah dihantar.
- Buat perubahan yang berkenaan, dan kami akan memaklumkan secara bertulis, bersama-sama dengan tarikh perubahan tersebut akan berkuatkuasa.

Menukar kaedah atau kekerapan pembayaran sumbangan

Orang Dilindungi boleh menukar:

- kekerapan membayar sumbangan (frekuensi pembayaran sumbangan); atau
- kaedah untuk membayar sumbangan;

dengan memberitahu kami secara bertulis.



Apa yang perlu dilakukan

- Hubungi kami.
- Serahkan borang yang telah dilengkapkan kepada kami.

Apa yang kami akan lakukan

- Menyemak permohonan yang telah dihantar.
- Buat perubahan yang berkenaan, dan kami akan memaklumkan secara bertulis, bersama-sama dengan tarikh perubahan tersebut akan berkuatkuasa.

Menukar penama

Orang Dilindungi boleh menamakan satu atau lebih orang untuk menerima manfaat kematian sama ada sebagai wasi (pelaksana) atau sebagai benefisiari berdasarkan hibah bersyarat. Penama boleh ditukar pada bila-bila masa. Lihat muka surat 15 (penama) untuk maklumat lanjut.

Apa yang perlu dilakukan

- Hubungi kami.
- Serahkan kepada kami borang yang telah diisi dan semua maklumat yang kami perlukan.

Apa yang kami akan lakukan

- Menyemak permohonan dan maklumat yang telah diberikan.
- Membuat perubahan, jika kami setuju dengannya.
- Sahkan penama baru secara bertulis.

Menyerahkan Jadual Sijil Takaful

Orang Dilindungi boleh menyerahkan (menamatkan) perlindungan takaful ini pada bila-bila masa. Jika Jadual Sijil Takaful dibatalkan, perlindungan takaful ini akan tamat dari tarikh kami membatalkan Jadual Sijil Takaful. Kami akan menolak daripada sumbangan yang telah dibayar, jumlah yang telah digunakan untuk tempoh perlindungan yang telah diberikan dan memulangkan jumlah yang tidak digunakan.

Jumlah di bawah RM10

- Jika jumlah yang perlu dipulangkan adalah RM10 atau di bawah RM10 dan kami tidak mempunyai maklumat akaun bank Orang Dilindungi, ia akan didermakan kepada badan kebajikan.
- Jika jumlah yang perlu dipulangkan lebih daripada RM10, dan kami tidak mempunyai maklumat akaun bank Orang Dilindungi, kami akan memindahkan jumlah berkenaan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.

Jadual Sijil Takaful tidak boleh dihidupkan semula (dimulakan semula) setelah ia dibatalkan.



Jika kami diarahkan untuk membatalkan Jadual Sijil Takaful Orang Dilindungi dalam 15 hari tempoh percubaan, kami akan memulangkan sepenuhnya sumbangan yang telah dibayar - lihat muka surat 3 (15 hari tempoh percubaan) untuk butiran lanjut.

Apa yang perlu dilakukan

- Hubungi kami.

Apa yang kami akan lakukan

- Menyemak permohonan anda dan membatalkan Jadual Sijil Takaful Orang Dilindungi.



Bila Jadual Sijil Takaful tamat

Jadual Sijil Takaful Orang Dilindungi akan tamat mengikut tarikh di bawah yang mana berlaku lebih awal.

- Pada tarikh ulang tahun Jadual Sijil takaful selepas Orang Dilindungi mencapai umur 60 tahun pada hari lahir berikutnya;
- Pada tarikh berakhirnya tempoh tangguh 60 hari, jika kami tidak menerima sumbangan sebelum tarikh itu;
- Pada tarikh kami meluluskan permohonan Orang Dilindungi untuk membatalkan (menamatkan) Jadual Sijil Takaful;
- Pada tarikh kami diarahkan untuk membatalkan Jadual Sijil Takaful mengikut undang-undang atau peraturan;
- Pada tarikh kematian Orang Dilindungi; atau
- Pada tarikh kami membayar manfaat HUPK di bawah Jadual Sijil Takaful Orang Dilindungi.

Menghidupkan semula Jadual Sijil Takaful

Orang Dilindungi tidak boleh menghidupkan semula (memulakan semula) jika Jadual Sijil Takaful tamat akibat terlepas atau gagal untuk membayar sumbangan dalam masa 60 hari tempoh tangguh dari tarikh sumbangan perlu dibayar.

Penamatkan Sijil Induk

Pemilik Sijil atau FWD Takaful boleh menamatkan Sijil Induk ini dengan memberikan sekurang-kurangnya 60 hari notis secara bertulis kepada pihak yang satu lagi tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Induk ini. Penamatkan ini tidak akan menjaskan perlindungan takaful Orang Dilindungi yang sedia ada.

Kami akan berhenti memperbaharui perlindungan takaful bagi Orang Dilindungi pada tarikh pembaharuan Jadual Sijil Takaful mereka selepas tarikh Sijil Induk ditamatkan.



Orang-orang utama di bawah Sijil ini

Bahagian ini menerangkan siapa orang-orang utama di bawah Sijil ini, apa hak mereka, dan bagaimana mereka diperlakukan.

Siapa yang dilindungi di bawah Sijil ini

Sijil ini melindungi Orang Dilindungi yang juga dinyatakan dalam Jadual Sijil Takaful yang dikeluarkan oleh Kami.

Syarat umur untuk Orang Dilindungi

Syarat umur terpakai untuk Orang Dilindungi, seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut.

Orang Dilindungi

Orang Dilindungi

Umur perlindungan boleh dipohon

Mesti berumur antara 19 dan 55 tahun.

Umur perlindungan tamat

Perlindungan tamat pada umur 60 tahun.

Nota: Umur menunjukkan umur pada hari lahir berikutnya.

Penama

Ini adalah orang (atau orang-orang) yang akan menerima manfaat kematian di bawah Jadual Sijil Takaful. Jika tiada penama dipilih, manfaat akan dibayar kepada waris Orang Dilindungi.

Penama tidak boleh membuat perubahan kepada Jadual Sijil Takaful.



Manfaat kematian dan manfaat khairat kematian akan dibayar kepada penama.

- Orang Dilindungi boleh melantik sehingga 2 penama, dan boleh menentukan berapa banyak manfaat kematian yang harus diterima oleh setiap penama.
- Orang Dilindungi boleh memilih untuk mereka menerima manfaat sebagai wasi (pelaksana) atau sebagai benefisiari (berdasarkan hibah bersyarat).

Kesesuaian penama haruslah disemak selalu. Orang Dilindungi boleh menukar penama dengan memberitahu kami secara bertulis.

Jenis penama

Apabila penama dipilih, ia boleh diklasifikasikan sebagai:

- seorang ‘wasi’ (pelaksana); atau
- seorang ‘benefisiari’. Seorang benefisiari akan menerima manfaat berdasarkan hibah bersyarat.

Wasi (Pelaksana)

Seseorang itu boleh dilantik sebagai wasi (pelaksana), dan kami akan membayar manfaat takaful kepada wasi. Wasi mesti mengagihkan manfaat takaful mengikut wasiat Orang Dilindungi dan undang-undang yang terpakai.



Benefisiari berdasarkan hibah bersyarat

Seseorang itu boleh dilantik sebagai benefisiari berdasarkan hibah bersyarat (hadiah) dan manfaat takaful akan dibayar kepada benefisiari. Manfaat itu tidak akan menjadi sebahagian daripada harta pusaka Orang Dilindungi.

Peraturan pembayaran bagi manfaat kematian

Tiada penama yang masih hidup

Jika tiada penama yang dipilih, atau jika penama tunggal telah meninggal dunia dan tidak digantikan, kami akan membayar manfaat itu kepada waris Orang Dilindungi.

Jika seorang penama meninggal dunia sebelum Orang Dilindungi

Jika terdapat lebih dari satu penama dan salah seorang penama telah meninggal dunia, kami akan membayar bahagian manfaat penama yang meninggal dunia kepada waris Orang Dilindungi melainkan seorang penama lain telah dinamakan untuk menggantikan penama yang meninggal dunia.

Sekiranya penama meninggal dunia sebelum manfaat manfaat dibayar

Jika penama meninggal dunia selepas kematian Orang Dilindungi, dan kami masih belum membayar manfaat takaful kepadanya, kami akan membayar manfaat takaful kepada:

- waris Orang Dilindungi, jika penama tersebut adalah wasi; atau
- waris penama yang meninggal dunia, jika penama adalah benefisiari berdasarkan hibah bersyarat.

Menukar penama

Hanya Orang Dilindungi boleh menukar penama. Lihat muka surat 13 (menukar penama) untuk mengetahui bagaimana untuk melakukannya.



Membuat tuntutan

Perlu membuat tuntutan? Baca bahagian ini untuk mengetahui apa yang perlu dilakukan.

Bagaimana hendak membuat tuntutan

Hubungi Talian Perkhidmatan kami di **03-2771 7737** untuk membuat tuntutan.

Beritahu kami secepat mungkin

Kami harus dimaklumkan dengan secepat mungkin sekiranya tuntutan akan dibuat di bawah Sijil ini.

Kami sentiasa ada untuk anda

Kami memahami berurusan dengan kematian atau kejadian hilang upaya seseorang yang disayangi adalah sukar - penuntut boleh menghubungi Talian Perkhidmatan kami di **03-2771 7737** untuk bantuan berhubung tuntutan.

Melengkapkan borang tuntutan

Kami akan menyediakan borang yang perlu diisi untuk membuat tuntutan. Tuntutan mesti dibuat atas borang yang disediakan oleh kami bersama-sama dengan dokumen sokongan bertulis dan sebarang maklumat dan dokumen lain yang kami minta. Kami tidak akan dapat memproses tuntutan sehingga kami menerima maklumat ini dan borang tuntutan yang telah diisi.

Kami memeriksa umur dan jantina sebelum membayar

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah Jadual Sijil Takaful sehingga kami telah memeriksa bahawa umur dan jantina Orang Dilindungi sepadan dengan maklumat yang telah diberikan kepada kami.

Kos menyediakan tuntutan

Kami tidak bertanggungjawab untuk sebarang kos bagi melengkapkan apa jua borang atau bagi mendapatkan sebarang dokumen, seperti sijil kematian atau lain-lain sijil. Kami tidak akan membayar atau membayar balik ganti kepada Orang Dilindungi atau penuntut bagi mana-mana kos yang berkenaan.

Bagaimana kami membayar tuntutan

Matawang

Semua jumlah yang dibayar kepada kami, atau oleh kami, akan dibayar dalam mata wang yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Takaful. Kami tidak akan membayar apa-apa faedah ke atas sebarang manfaat di bawah Jadual Sijil Takaful.

Siapa yang kami bayar

Kami membayar manfaat kepada:

- Orang Dilindungi, jika Orang Dilindungi mengalami hilang upaya penuh dan kekal; atau
- penama, jika Orang Dilindungi meninggal dunia.



Terma dan syarat yang terpakai kepada Badal (upah) Haji / Derma kepada badan kebajikan

FWD Takaful bukan penyedia perkhidmatan

Khidmat Badal Haji adalah servis perkhidmatan yang disediakan oleh pihak ketiga yang bebas, dan bukannya kami. Walaupun kami berusaha untuk mendapatkan penyedia perkhidmatan yang terbaik, kami tidak mengendors perkhidmatan mereka dan tidak menjamin kualiti mereka, dan kami tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa tindakan atau kegagalan untuk bertindak di pihak penyedia perkhidmatan.

Tanggungjawab kami

Kami hanya bertanggungjawab untuk mengatur dan membayar perkhidmatan Badal Haji mengikut terma-terma manfaat di bawah Sijil ini. Apabila kami telah mengaturkan perkhidmatan dan membayar jumlah manfaat, kami telah memenuhi semua tanggungjawab kami. Sebarang perkhidmatan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan bebas akan dilakukan mengikut terma-terma penyedia perkhidmatan itu.

Derma kepada badan kebajikan

Kami akan mengatur bayaran manfaat derma kepada badan kebajikan bagi pihak Orang Dilindungi yang bukan beragama Islam kepada badan kebajikan yang kami pilih.

SAMP



Sumbangan

Bahagian ini menerangkan mengenai sumbangan dan apa yang berlaku jika terlepas membayar sumbangan.

Membayar sumbangan

Adalah penting untuk sumbangan dibayar tepat pada waktunya supaya Jadual Sijil Takaful sentiasa aktif dan perlindungan kepada Orang Dilindungi dapat diteruskan. Kami gariskan dibawah ini, bagaimana pembayaran sumbangan boleh dibuat dan apa yang akan berlaku sekiranya ia tidak dibayar.

Jumlah dan tarikh perlu bayar

Jadual Sijil Takaful akan menunjukkan jumlah yang perlu dibayar dan tarikh perlu bayar untuk pembayaran sumbangan.

Opsi kekerapan bayaran

Kami memberikan opsyen kekerapan bayaran berikut, untuk pembayaran sumbangan.

- Tahunan secara sekaligus.
- Secara ansuran bulanan.

Orang Dilindungi boleh menukar kekerapan pilihan ini pada bila-bila masa. Lihat muka surat 12 (menukar kaedah atau kekerapan pembayaran sumbangan) untuk caranya.

Opsi kaedah pembayaran

Kami memberikan opsyen kaedah pembayaran sumbangan menggunakan kad debit atau kad kredit.

Orang Dilindungi boleh menukar kaedah pilihan ini pada bila-bila masa. Lihat muka surat 12 (menukar kaedah atau kekerapan pembayaran sumbangan) untuk caranya.

Kadar sumbangan tidak dijamin

Kadar sumbangan yang tertera di dalam Jadual Sijil Takaful adalah tidak terjamin. Ini bermakna kami boleh menukar kadar sumbangan dengan memberikan notis 3 bulan secara bertulis kepada anda dan Orang Dilindungi. Kami akan menukar kadar sumbangan pada ulang tahun sijil anda yang akan datang selepas tempoh notis 3 bulan.



Apa yang akan berlaku jika sumbangan tidak dibayar mengikut masa yang ditetapkan

Sumbangan perlu dibayar pada tarikh yang ditetapkan. Kami memberikan tempoh tangguh 60 hari selepas tarikh perlu bayar untuk sumbangan dibayar. Perlindungan ini akan diteruskan jika tunggakan sumbangan dibayar dalam tempoh 60 hari ini. Jika kami tidak menerima sumbangan dalam tempoh ini, kami akan membatalkan Jadual Sijil Takaful Orang Dilindungi.

Sumbangan pertama	Sumbangan pertama perlu dibayar pada tarikh mula Jadual Sijil Takaful.
Tahunan atau bulanan	Sumbangan seterusnya perlu dibayar mengikut kekerapan yang telah dipilih. Pembayaran sumbangan perlu terus dibayar sehingga tarikh luput yang tertera dalam Jadual Sijil Takaful atau sehingga Jadual Sijil Takaful tamat tempoh.
Jika Orang Dilindungi terlepas bayaran sumbangan	Kami memberikan tempoh tangguh 60 hari selepas tarikh perlu bayar untuk Orang Dilindungi membayar sumbangan. Jadual Sijil Takaful akan tamat dari tarikh perlu bayar sumbangan jika kami tidak menerima sumbangan dalam tempoh ini.
Sekiranya Jadual Sijil Takaful telah tamat kerana Orang Dilindungi terlepas membuat bayaran sumbangan, perlindungan ini akan luput, dan kami akan memberikan notis bertulis atau surat pemberitahuan.	

Apa yang kami lakukan dengan sumbangan yang dibayar

Kami membayar sumbangan, dan semua sumbangan lain yang kami terima daripada pemilik-pemilik sijil yang lain (peserta-peserta), setelah ditolak yuran wakalah ke dalam dana risiko peserta.

Wang yang kami bayar ke dalam dana risiko peserta dianggap sebagai dana tabaru untuk manfaat bersama kesemua peserta. Ia digunakan untuk membayar manfaat kepada penuntut yang berhak mendapat manfaat berdasarkan:

- semangat persaudaraan dan tolong-menolong di kalangan peserta; dan
- tertakluk kepada semua terma dan syarat dalam Sijil ini.

Kami akan menguruskan dana risiko peserta berlandaskan Syariah. Kami akan mengelakkan pelaburan aset-aset dana risiko peserta ke dalam sekuriti dan aset yang dilarang oleh Syariah.



Tabarru' adalah derma untuk tujuan takaful.

Dana risiko peserta diuruskan berlandaskan Syariah

Kami menguruskan dana risiko peserta berlandaskan Syariah (undang-undang Islam).

Segala tafsiran dan keputusan mengenai Syariah yang berkenaan dengan Jadual Sijil Takaful dan Sijil Induk ini akan dibuat oleh Jawatankuasa Syariah kami, dan terikat ke atas kami, Orang Dilindungi dan anda.

Yuran wakalah

Kami menguruskan semua Jadual Sijil Takaful FWD KASIH bagi pihak Orang Dilindungi dan peserta-peserta lain berdasarkan konsep wakalah.

Sumbangan yang dibayar untuk perlindungan ini adalah tertakluk kepada bayaran yuran wakalah. Peratusan dan jumlah yuran wakalah yang dibayar adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Takaful.



Wakalah adalah perlantikan oleh satu pihak kepada yang lain untuk bertindak bagi pihaknya.



Sekiranya terdapat lebihan dalam dana risiko peserta

Pada setiap akhir tahun kewangan, kami akan mengira sekiranya terdapat sebarang lebihan di dalam dana risiko peserta. Sekiranya ada, kami akan terlebih dahulu membayar balik sebarang jumlah qard yang diberikan kepada dana risiko peserta bagi defisit masa lalu. Kemudian, kami akan berkongsi baki lebihan dengan asas berikut:

- 50% akan disalurkan kepada kami sebagai ju'alah (ganjaran kepada pengendali takaful).
- 50% akan dikongsi di kalangan peserta-peserta yang layak di dalam dana risiko peserta.

Apa yang kami lakukan dengan bahagian lebihan Orang Dilindungi

Kami akan mengurangkan sumbangan yang seterusnya yang perlu dibayar dengan jumlah tersebut.

! *Qard adalah pinjaman tanpa faedah yang kami berikan kepada dana risiko peserta sekiranya ia mengalami defisit.*

! *Ju'alah adalah ganjaran kepada pengendali takaful bagi prestasi baik dana risiko peserta yang akan diuruskannya.*

Sekiranya dana risiko peserta berada di dalam keadaan defisit

Sekiranya dana risiko peserta berada di dalam keadaan defisit, kami akan memberikannya qard untuk menghapuskan defisit tersebut. Qard akan dibayar balik daripada sebarang jumlah lebihan masa depan dalam dana risiko peserta.

! *Kami akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang terbukti ke atas aset dana risiko peserta, sekiranya kerugian tersebut adalah disebabkan oleh salah urus atau kecuaian kami dalam menguruskan dana risiko peserta.*



Memastikan ia sah dari segi undang-undang

Dalam bahagian ini, kami menerangkan hak dan kewajipan undang-undang penting di bawah Sijil Induk dan Jadual Sijil Takaful.

Undang-undang yang mentadbir

Sijil adalah kontrak takaful antara anda dan kami, dan ditadbir oleh undang-undang Malaysia, termasuk sebarang pekeliling, arahan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Undang-undang Malaysia akan digunakan sekiranya terdapat sebarang konflik antaranya dan Sijil anda.

Perubahan kepada Sijil Induk dan Jadual Sijil Takaful untuk mematuhi undang-undang

Kami mempunyai kuasa untuk membuat sebarang perubahan yang diperlukan ke atas Sijil Induk dan Jadual Sijil Takaful bagi mematuhi undang-undang. Sekiranya kami perlu membuat sebarang perubahan, kami akan memberi notis bertulis kepada Pemilik Sijil Induk dan Orang Dilindungi.

Kami bergantung pada maklumat yang diberikan

Baca kesemua bahagian Sijil Induk untuk memastikan ia betul

Kontrak takaful ini adalah berdasarkan maklumat yang diberikan kepada kami semasa memproses permohonan. Adalah penting bahawa maklumat itu betul, dan Pemilik Sijil Induk dan Orang Dilindungi jujur dan tepat dengan semua maklumat yang diberikan. Maklumat ini membantu kami untuk memutuskan sama ada Orang Dilindungi layak untuk perlindungan di bawah Sijil ini, dan berapa banyak sumbangan yang perlu dibayar.

Pemilik Sijil Induk atau Orang Dilindungi harus memberitahu kami dengan serta-merta sekiranya maklumat yang diberikan kepada kami semasa permohonan tidak tepat, mengelirukan atau ditokok tambah. Kami juga harus diberitahu dengan serta-merta sekiranya maklumat yang telah diberikan kepada kami berubah selepas Jadual Sijil Takaful Orang Dilindungi dimulakan.

Perlu memberikan maklumat yang betul dan lengkap

Orang Dilindungi mempunyai:

- kewajipan pendedahan;
- kewajipan untuk mengambil langkah penjagaan yang munasabah untuk tidak membuat salah nyata; dan
- kewajipan untuk mengambil langkah penjagaan yang munasabah apabila menjawab soalan-soalan kami, atau apabila mengesahkan atau meminda sebarang maklumat yang telah diberikan kepada kami.

Jika tidak, kami boleh mempertikaikan tuntutan ke atas Sijil ini, dan manfaat di bawah Jadual Sijil Takaful mungkin terjejas. Dalam sesetengah kes, kami boleh membatalkan Sijil Induk dan Jadual Sijil Takaful di bawah remedi yang disediakan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Lihat muka surat 23 (pertikaian bayaran) untuk maklumat lanjut.



Jika kami diberikan umur dan jantina yang salah

Sekiranya kami mendapati bahawa kami diberikan umur atau jantina yang salah, kami akan terlebih dahulu mengenalpasti jumlah sumbangan yang perlu dibayar berdasarkan manfaat perlindungan yang dipilih, jika kami telah diberikan umur dan jantina yang betul semasa permohonan dibuat.

Jika Orang Dilindungi tidak layak untuk mendapat perlindungan takaful pada umur dan jantina yang betul, kami boleh mengisyiharkan bahawa Jadual Sijil Takaful itu tidak sah. Jika kami lakukan sedemikian, kami akan membatalkan Jadual Sijil Takaful dan menganggapnya sebagai tidak pernah wujud. Kami akan membayar balik sebarang sumbangan yang dibayar tanpa faedah, setelah menolak sebarang manfaat yang telah kami bayar.



Sekiranya anda perlu mengubah maklumat, atau jika anda mempunyai sebarang soalan, sila hubungi 03-27717737.

Pertikaian bayaran

Kami boleh mempertikaikan kesahihan Sijil ini dan/atau Jadual Sijil Takaful dalam keadaan tertentu seperti yang digariskan dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Sekiranya kami berbuat sedemikian, kami boleh mengisyiharkan bahawa Jadual Sijil Takaful tersebut adalah tidak sah dan menganggapnya sebagai tidak pernah wujud. Orang Dilindungi tidak berhak untuk mendapat sebarang manfaat.

Jika Orang Dilindungi:

- tidak memberikan maklumat yang tepat dan benar;
- memberi kami maklumat yang mengelirukan atau ditokok-tambah; atau
- membuat sebarang salah nyata;

kami boleh mempertikaikan sebarang tuntutan dalam tempoh dua tahun pertama Jadual Sijil Takaful tersebut. Dua tahun akan bermula dari tarikh mula Jadual Sijil Takaful.

Sekiranya Orang Dilindungi:

- membuat pernyataan fraud mengenai suatu perkara material; atau
- menyelindungkan atau meninggalkan fakta material secara fraud;

dalam permohonan, kami boleh mempertikaikan sebarang pembayaran pada bila-bila masa.

Perkara-perkara dan fakta-fakta material

Sesuatu perkara material atau fakta material merupakan sesuatu yang akan menyebabkan kami:

- enggan mengeluarkan Jadual Sijil Takaful kepada Orang Dilindungi; atau
- meminta anda dan Orang Dilindungi bersetuju dengan terma khas yang terkandung pada Sijil Induk dan Jadual Sijil Takaful sebelum kami mengeluarkan Jadual Sijil Takaful;

jika Orang Dilindungi telah memberitahu kami mengenainya.

Apa yang akan kami lakukan

- Sekiranya kami mempertikaikan Jadual Sijil Takaful, kami akan mengkaji semula Jadual Sijil Takaful dan memutuskan sama ada kami mempunyai sebab untuk mengisyiharkannya tidak sah. Jika kami lakukan sedemikian, kami akan membatalkannya dan menganggapnya sebagai tidak pernah wujud.
- Kami akan membayar balik sumbangan yang telah dibayar tanpa faedah, selepas menolak sebarang jumlah yang terhutang. Sekiranya manfaat telah dibayar, kami akan mengambil kembali manfaat tersebut.



Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001

Kami mungkin perlu membekukan atau menyita sebarang wang yang diterima atau yang perlu dibayar di bawah Jadual Sijil Takaful:

- mengikut perintah pihak berkuasa yang berkenaan; atau
- jika kami menemui, atau jika kami mempunyai keraguan yang munasabah bahawa Orang Dilindungi disanksi di bawah mana-mana pihak berkuasa kompeten yang diiktiraf oleh kami, bagi aktiviti-aktiviti pengubahan wang haram atau aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pembiayaan keganasan;

di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

Jika ini berlaku, kami akan menamatkan Jadual Sijil Takaful bagi Orang Dilindungi dan perlindungan di bawahnya dengan serta-merta. Kami akan menguruskan semua sumbangan yang dibayar dan semua jumlah yang perlu dibayar di bawah Jadual Sijil Takaful dengan sebarang cara yang kami anggap sesuai, yang mungkin termasuk menyerahkannya kepada pihak berkuasa yang berkaitan.

Notis di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

Ini merujuk kepada Notis kepada Pelanggan yang Berkaitan dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ‘notis PDPA’ yang dilampirkan bersama Jadual Sijil Takaful.

Orang Dilindungi bersetuju dengan kandungan notis PDPA, serta memberi kebenaran dan kuasa kepada kami untuk pengumpulan, pemprosesan dan perkongsian semua data peribadi Orang Dilindungi, seperti:

- nama penuh;
- nombor kad pengenalan;
- butiran alamat; dan
- rekod perubatan;

seperti yang dinyatakan dalam notis PDPA.

Hak Orang Dilindungi untuk meminta maklumat lanjut

Orang Dilindungi boleh memohon untuk melihat atau membetulkan data peribadi yang kami pegang. Orang Dilindungi juga boleh meminta daripada kami maklumat tentang:

- polisi dan amalan perlindungan data peribadi kami; dan
- jenis data yang dipegang oleh kami.

Orang Dilindungi perlu mengisi dan menghantar borang permintaan akses data kepada kami.



Hak Orang Dilindungi untuk meminta kami berhenti menggunakan data peribadi mereka

Orang Dilindungi mempunyai hak untuk meminta kami berhenti menggunakan data peribadi mereka di bawah Jadual Sijil Takaful. Sekiranya Orang Dilindungi meminta kami berhenti, kami akan:

- berhenti menggunakan data peribadi mereka, dan memusnahkannya (kecuali jika kami dikehendaki menyimpannya atas dasar undang-undang);
- menamatkan Jadual Sijil Takaful Orang Dilindungi tersebut; dan
- menolak jumlah bagi tempoh perlindungan dan fi pentadbiran daripada sumbangan yang telah dibayar, dan membayar balik bakinya kepada Orang Dilindungi;

seperti yang dinyatakan di dalam notis PDPA. Untuk memohon kami berhenti, Orang Dilindungi perlu menghantar permintaan secara bertulis.

Pindaan kepada notis PDPA

Kami boleh meminda notis PDPA pada bila-bila masa. Jika kami membuat sesuatu pindaan, kami akan membuat makluman mengenai pindaan di laman web kami, atau mengikut kaedah lain yang kami pilih.

SAMPLE



Perkataan dan frasa penting

Senarai di bawah menerangkan maksud-maksud perkataan dan frasa penting yang dinyatakan dalam Sijil ini.

Aktiviti kehidupan harian

Aktiviti-aktiviti berikut:

- Pemindahan: Keupayaan untuk bangun dan duduk dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.
- Mobiliti: Keupayaan untuk bergerak dari bilik ke bilik tanpa memerlukan bantuan fizikal.
- Penahanan: Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara sukarela seperti mengekalkan kebersihan diri.
- Persalinan: Keupayaan untuk memakai dan menanggalkan semua pakaian tanpa memerlukan bantuan orang lain.
- Mandi/Basuh: Keupayaan untuk mandi di dalam tab mandi atau menggunakan air pancuran (termasuk masuk atau keluar dari tab mandi atau pancuran) atau membersihkan diri dengan cara lain.
- Makan: Semua tugas untuk memasukkan makanan ke dalam badan sebaik sahaja ia telah disediakan.

Dana risiko peserta

Dana yang dikendalikan oleh kami berlandaskan prinsip Syariah untuk manfaat bersama kesemua peserta.

Endorsmen

Dokumen tambahan yang dilampirkan bersama Jadual Sijil Takaful yang menggariskan sebarang pindaan yang kami buat terhadap Jadual Sijil Takaful.

Hilang upaya penuh dan kekal (HUPK)

Bagi Orang Dilindungi di bawah umur 60 tahun yang bekerja untuk gaji apabila mereka pertama kali mengalami penyakit atau kecederaan:

bermaksud Orang Dilindungi telah mengalami sesuatu penyakit atau kecederaan yang menyebabkan mereka tidak berupaya untuk bekerja sekurang-kurangnya enam bulan berturut-turut, dan akan kekal dan benar-benar tidak dapat mencari pendapatan atau ganjaran dalam:

- kerja yang mereka lakukan apabila penyakit atau kecederaan pertama kali berlaku; dan
- sebarang pekerjaan yang sesuai dengan mereka berdasarkan pendidikan, pengalaman, atau latihan.

Bagi Orang Dilindungi di bawah umur 60 tahun yang tidak bekerja untuk gaji apabila mereka pertama kali mengalami penyakit atau kecederaan:

bermaksud Orang Dilindungi telah mengalami penyakit atau kecederaan dan secara penuhnya dan kekalnya tidak dapat melakukan sekurang-kurangnya 3 daripada aktiviti kehidupan seharian tanpa bantuan orang lain selama enam bulan berturut-turut.



Bagi Orang Dilindungi sehingga berumur 60 tahun:

bermakna Orang Dilindungi telah mengalami kehilangan penuh dan tidak dapat dipulihkan:

- penglihatan kedua-dua mata; atau
- penglihatan satu mata dan kehilangan penggunaan satu anggota badan di atas pergelangan kaki atau pergelangan tangan; atau
- kedua-dua tangan pada atau di atas pergelangan tangan; atau
- kedua-dua kaki pada atau di atas pergelangan kaki; atau
- satu tangan pada atau di atas pergelangan tangan dan satu kaki pada atau di atas pergelangan kaki.

Untuk tujuan definisi HUPK ini, perkataan “kekal” bermaksud tidak dapat disembuhkan dan disahkan oleh pengamal perubatan yang berkelayakan.

Jadual Sijil Takaful

Dokumen yang diberikan kepada Orang Dilindungi. Ia menunjukkan maklumat penting berkaitan perlindungan bagi Orang Dilindungi, termasuk yang di bawah.

- Nombor Sijil Induk.
- Butiran Pemilik Sijil dan Orang Dilindungi.
- Butiran sumbangan yang perlu dibayar oleh Orang Dilindungi.
- Manfaat-manfaat Sijil.

Jawatankuasa Syariah

Jawatankuasa yang dibentuk oleh kami untuk memastikan perniagaan takaful kami patuh Syariah.

Jumlah dilindungi

Jumlah yang Orang Dilindungi atau penama akan terima jika manfaat dibayar. Jumlah dilindungi dinyatakan dalam Jadual Sijil Takaful.

Kami

Merujuk kepada FWD Takaful Berhad yang merupakan pengendali takaful dan pengeluар Sijil Induk ini.

Kemalangan

Kemalangan adalah perlanggaran secara tiba-tiba, ganas, tidak dijangka dan tidak diingini di antara orang yang dilindungi dengan objek atau bahan lain. Ia tidak termasuk penyakit, proses degeneratif atau sebarang keadaan semula jadi yang lain.

Orang Dilindungi

Orang (atau orang-orang) yang dilindungi oleh Sijil ini dan dinyatakan dalam Jadual Sijil Takaful.

Pemilik Sijil, anda

Bermaksud Pemilik Sijil Induk seperti yang dinyatakan di dalam Informasi Sijil Induk yang boleh melaksanakan hak, kepentingan dan opsyen yang terdapat di dalam Sijil Induk ini.

Pengamal perubatan

Seseorang yang layak dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan berdaftar dengan pihak berkuasa di Malaysia untuk mengamalkan rawatan mengikut skop pelesenan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa dan melalui latihannya tetapi tidak termasuk Orang Dilindungi, suami, isteri atau keluarga terdekat Orang Dilindungi.

Syariah

Bermaksud undang-undang Islam.

Sebarang tafsiran dan keputusan mengenai Syariah yang berkenaan dengan Sijil anda akan dibuat oleh Jawatankuasa Syariah kami, dan ia terikat ke atas kami dan anda.

**Tarikh Jadual Sijil Takaful dikeluarkan**

Tarikh sumbangan pertama perlu dibayar dan tarikh Jadual Sijil Takaful anda bermula. Tarikh ini dinyatakan dalam Jadual Sijil Takaful Orang Dilindungi.

Tarikh luput Jadual Sijil Takaful

Tarikh perlindungan takaful ini tamat. Tarikh luput dinyatakan dalam Jadual Sijil Takaful Orang Dilindungi.

Tarikh mula Jadual Sijil Takaful

Tarikh perlindungan takaful ini bermula. Tarikh ini tertera dalam Jadual Sijil Takaful Orang Dilindungi.

Ulang tahun Jadual Sijil Takaful

Tempoh 12 bulan dikira dari tarikh Jadual Sijil Takaful dikeluarkan.

Umur luput perlindungan

Umur apabila perlindungan tamat bagi Orang Dilindungi.

SAMPLE